



KENYATAAN MEDIA JELAJAH KELESTARIAN ALAM 2.0: NRES BUKA PINTU DIALOG BERSAMA BELIA

PULAU PINANG - Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, dengan kerjasama Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS), meneruskan inisiatif **Jelajah Kelestarian Alam 2.0** susulan kejayaan penganjuran siri pertamanya pada tahun 2024. Majlis peluncuran pada hari ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha NRES mewakili YB Menteri, turut hadir YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah JAS, YBrs. Encik Abd Shukor Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif YPASM dan YBhg. Prof. Dato' Seri Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed, Naib Canselor USM dalam majlis peluncuran pada hari ini.

Universiti Sains Malaysia (USM) dipilih sebagai lokasi pembukaan siri jelajah tahun ini, susulan kejayaan penganjuran terdahulu di Universiti Malaysia Terengganu, IMU University dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Dalam slot istimewa "*Tanya NRES*", YBhg. Datuk Dr. KSU turut membincangkan isu berkaitan perubahan iklim dan kelestarian alam.

Peluncuran Program Kampus Lestari Anugerah Alam Sekitar (KLAAS) & Peluncuran Buku Penyelidikan Antartika

Pada majlis ini YBhg. Datuk Dr. KSU turut melancarkan program Jabatan Alam Sekitar iaitu *Kampus Lestari Anugerah Alam Sekitar (KLAAS)*, hasil kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Program ini memberi pengiktirafan terhadap usaha kelestarian oleh Institusi Pendidikan

Tinggi (IPT) dan dijangka memupuk budaya kelestarian di kampus sebagai langkah menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030.

Di bawah YPASM pula YBhg. Datuk Dr. KSU telah menyempurnakan peluncuran buku kompilasi penyelidikan bertajuk "*From the Equator to the Ice: Malaysia's Contributions to Antarctic Science (2013–2023)*", yang menghimpunkan penyelidikan penting Malaysia dalam bidang biologi, sains atmosfera dan perubahan iklim di Antartika. Buku ini turut mendapat sokongan dari Coral Triangle Initiative (CTI).

Komitmen USM ke Arah Kelestarian

Universiti Sains Malaysia (USM) selaku hos penganjuran *Jelajah Kelestarian 2.0* terus memperkukuh komitmennya dalam mendidik, menyokong dan menerajui agenda kelestarian alam sekitar melalui kerjasama strategik serta penglibatan aktif pelbagai pihak dan komuniti. Komitmen ini dizahirkan menerusi peranan pusat tanggungjawab seperti Kampus Sejahtera, yang menjadi peneraju utama dalam pelaksanaan pelbagai inisiatif kelestarian di peringkat universiti.

Selaras dengan aspirasi kelestarian negara dan sebagai respons proaktif terhadap krisis iklim global, USM telah melaksanakan satu inisiatif iklim berimpak tinggi iaitu Solar@USM. Projek ini bertujuan untuk mengurangkan pelepasan karbon secara signifikan, memperluaskan penggunaan tenaga boleh diperbaharui, serta meletakkan USM sebagai model kampus lestari di peringkat nasional.

Melalui inisiatif ini, sebanyak 22,374 panel solar fotovoltaik (PV) telah dipasang melibatkan 64 bumbung bangunan, 8 struktur tempat letak kereta (carport) dan 2 tapak atas tanah (ground-mounted) di Kampus Induk USM, Pulau Pinang. Projek bernilai RM30 juta ini dilaksanakan melalui kaedah *Request for Proposal (RFP)* dengan pendekatan Zero Capital Expenditure (Zero CAPEX). Ia telah bermula pada 15 September 2021 dan siap sepenuhnya pada Disember 2022.

Secara keseluruhan, projek ini menyumbang kepada pengurangan pelepasan karbon sebanyak 10,885 tan metrik CO₂ setahun, bersamaan dengan pelepasan daripada 2,088 buah kenderaan atau penyerapan karbon oleh 158,682 batang pokok dalam

tempoh 10 tahun. Inisiatif ini mengukuhkan lagi usaha USM dalam merealisasikan visinya sebagai peneraju pendidikan tinggi yang menyokong masa depan lestari.

Penggunaan bas elektrik (EV) pula merupakan satu lagi inisiatif hijau yang memperkukuh agenda mobiliti lestari di kampus. Penganjuran Minggu Kelestarian USM 2025, pelancaran Buku Garis Panduan Program Kelestarian USM, serta inisiatif "USM as a Sustainability Living Lab" membuktikan bahawa usaha kelestarian di USM bukan bersifat retorik, sebaliknya diterjemahkan dalam bentuk tindakan nyata yang menyeluruh dan inklusif. Ia menjadi simbol iltizam berterusan USM dalam memacu perubahan lestari yang berimpak tinggi.

Siri Jelajah Kelestarian Alam ini telah dihadiri oleh lebih 250 peserta dan jemputan yang terdiri daripada pelajar USM, peserta-peserta sesi libat urus KLAAS (yang terdiri daripada Pegawai KPT, KPM dan pensyarah-pensyarah IPT dari zon utara), serta wakil daripada pihak pengurusan tertinggi NRES, YPASM, JAS dan USM.

29 MEI 2025



**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763**